



AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

Bilangan 07 Tahun 2021

PELAKSANAAN PEMAKAIAN MODEL HETVET@UiTM BAGI PEMBANGUNAN PROGRAM BAHARU DAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkaitan pelaksanaan pemakaian Model *High-End* TVET (HETVET)@UiTM bagi pembangunan program baharu dan semakan kurikulum program akademik UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Model HETVET@UiTM telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 01 / 2020 pada 08 Januari 2020, diperakukan dalam Mesyuarat Senat ke-259 dan pelancaran HETVET@UiTM telah diadakan sewaktu *Conference of Heads of Academic Departments* (CHAD) 2020 yang telah berlangsung pada 10 September 2020 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

PELAKSANAAN

3. HETVET@UiTM direka bentuk sebagai pemacu perubahan bagi UiTM bergerak ke arah membangun dan melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, serta kritis dalam pemikiran dan berjiwa kemanusiaan.

4. Inisiatif ini dilihat dapat menyokong usaha kerajaan ke arah memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara serta menyokong fokus strategik ketiga iaitu **Mengukuhkan Kebolehpasaran Graduan** sebagai mana yang telah dinyatakan dalam perutusan YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi sempena Majlis Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi pada 16 Januari 2021 yang lalu.

5. Bagi memastikan program akademik UiTM sentiasa relevan dan berdaya saing, *Handbook* HETVET@UiTM telah mengetengahkan empat (4) model sebagai panduan pemilihan model yang bersesuaian bagi program akademik baharu dan sedia ada untuk diguna pakai.

6. *Handbook* HETVET@UiTM perlu dibaca bersama dengan *Code of Practice TVET Program Accreditation* (COPTPA) *2nd Edition 2020* atau badan profesional yang diiktiraf oleh kerajaan serta standard program bidang masing-masing.

7. *Handbook* HETVET@UiTM boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada pautan berikut:

<https://hea.uitm.edu.my/v4/index.php/service/key-initiatives/hetvet-uitm>

8. Kerjasama semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dipohon untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti / Pusat Akademik / UiTM Cawangan masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling dikeluarkan pada 01 Mac 2021.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Mac 2021.


PROF. TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 01 Mac 2021
Kategori Pekeliling : Dasar